



## **KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT**

### **Buku Certot #2 Sukan**

Selepas buku pertama *Tunas Super Storymorie Certot #1*, PTS Media Group tampil dengan menerbitkan sebuah lagi buku antologi cerita pendek iaitu Tunas Super Storymorie Certot #2 Sukan. Menerusi buku yang berharga RM10 ini, penulis-penulisnya terdiri daripada kanak-kanak berumur tujuh hingga dua belas tahun. Mereka adalah peserta yang terpilih daripada program Penulis Tunas Super yang dianjurkan oleh PTS. Mereka sangat berbakat dalam bidang penulisan dan mampu menghasilkan karya sendiri. Apa yang lebih menarik, ada di antara mereka sudah mempunyai novel tersendiri bersama PTS. Program ini bermula pada tahun 2013 dan setakat ini melahirkan 27 orang penulis cilik dari pelbagai negeri.

Setiap antologi certot akan mempunyai tema yang berbeza-beza. Kali ini semua cerita berkisar tentang tema sukan. Tetapi, ia tidak semata-mata tentang sukan. Ia adalah penceritaan yang segar dari sudut pandang kanak-kanak tentang kekeluargaan, persahabatan, dan cabaran hidup dalam Certot #2 ini. Antara cerita-cerita menarik yang terdapat dalam buku ini adalah Bolaku, Kami Berjuang Keranamu, Mahu Menjadi Juara, Kekurangan Bukanlah Penghalang, dan Aku yang Istimewa.

Dengan adanya buku ini, ia mampu menjadi daya tarikan kepada kanak-kanak di luar sana yang berminat untuk berkarya.

**AMIRATUL AWATIF GHAZALI**

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my